

BAB DUA: TEORI BAY' AL-'INAH

2.1 Pengenalan

Hukum asal bagi jual beli adalah harus dan dibenarkan oleh syarak. Ini berpandukan kepada firman Allah S.W.T yang menerangkan segala jual beli adalah halal di sisi agama, kecuali terdapatnya riba dalam transaksi tersebut. Jual beli adalah suatu muamalat penting dalam kehidupan setiap manusia. Ia fitrah manusia untuk memiliki sesuatu barang yang dikehendakinya. Bahkan, manusia akan melakukan apa sahaja untuk mencapai keinginannya. Walau bagaimanapun, seseorang Muslim perlulah mempunyai batas-batas yang selari dengan kehendak syarak.

Hari ini, terdapat banyak institusi perbankan Islam yang mengamalkan konsep *bay' al-'inah* dalam produk-produk mereka seperti dalam pembiayaan modal, kad kredit, overdraf Islam dan sebagainya¹. *Bay' al-'inah* adalah salah satu medium yang penting dalam sistem perbankan Islam. Ia merupakan salah satu instrumen² yang terawal yang diperkenalkan dan telah mendapat banyak sambutan samada dari pihak bank mahupun pelanggan. Walau bagaimanapun transaksi ini selalu menjadi pertikaian ulama-ulama dari segi keharusannya. Hanya mazhab Shafie dan sebahagian mazhab Hanafi sahaja yang mengharuskan pelaksanaan *Bay' al-'inah*. Namun begitu, *bay' al-'inah* tetap menjadi produk yang diharuskan untuk diaplikasikan dalam amalan perbankan Islam di Malaysia dalam mesyuarat kelima pada 29 Januari 1997³. Konsep ini diterima pakai

¹Zaharuddin Abd Rahman (2009), *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*. Selangor: Vivar Printing Sdn Bhd, h. 31.

²Dokumen rasmi yang berkaitan dengan kewangan. Rujuk: *Kamus Dewan Edisi 4* (2007), c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 582.

³Suruhanjaya Sekuriti (2002), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, h. 20.

kerana masyarakat Malaysia berpegang kepada mazhab Shafie. Dalam bab ini, penulis akan menjelaskan secara terperinci mengenai konsep *bay' al-'inah* dari segi definisi, hukum dan kaedah pelaksanaannya di Malaysia.

Bay' al-'inah ialah suatu transaksi yang melibatkan dua pihak iaitu penjual dan pembeli. Yang mana penjual menjual asetnya kepada pembeli secara tunai, kemudian penjual membeli semula aset tersebut dengan pembeli dengan harga yang lebih tinggi secara ansuran.

2.2 Konsep Bay' Al-'inah

2.2.1 Definisi Bay' al-'inah

Seperti yang diketahui, terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh ulama salaf dan kontemporari mengenai *bay' al-'inah*. Berikut merupakan definisi *bay' al-'inah* dari segi bahasa dan istilah:

2.2.1.1 Dari segi bahasa

Bay' ialah jualan, manakala jamaknya ialah *buyu'*, yang membawa makna membeli barangan yang harganya telah ditentukan oleh penjual⁴. Kebanyakannya diletakkan pada awalan jenis jualan⁵. *Bay'* juga bermaksud pertukaran harta dengan

⁴Muhammad Ibn Mukarram, Ibn Manzur (1996), *Lisan al-'Arab*, j. 1. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 556.

⁵Zaha Rina Zahari et al. (2008) *Encyclopedia Islamic Finance*. Kuala Lumpur: Aslita Sdn Bhd., h. 116.

harta⁶. Manakala menurut John Penrice pula, *bay'* ialah pertukaran jualan, perdagangan, penjualan, atau pun sistem barter⁷. Jualan antonim kepada perkataan belian⁸.

Perkataan *al-bay'* juga boleh didefinisikan sebagai penukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain⁹. Ia merupakan suatu kontrak penukaran yang memerlukan prosedur tertentu sehingga mendapat persetujuan dan mempunyai perjanjian dari kedua-dua belah pihak iaitu penjual dan pembeli¹⁰. Oleh yang demikian, *bay'* adalah suatu transaksi yang melibatkan antara penjual dan pembeli dalam pertukaran milik sesuatu barang dengan barang atau sesuatu yang bernilai.

Manakala *al-'inah* pula berasal daripada perkataan arab iaitu *al-'ain*, yang bermaksud tunai¹¹. Berdasarkan kamus lisan al-arab, *Bay' al-'inah* merujuk kepada dua situasi iaitu:

- a) Penjual menjual aset dengan harga tangguh, kemudian penjual membeli balik aset tersebut dengan harga yang lebih tinggi daripada harga asal secara tunai.
- b) Jual beli yang melibatkan antara tiga pihak iaitu :
 - i. Penjual menjual sesuatu aset kepada pembeli seperti biasa dan berlaku penyerahan aset tersebut.

⁶Ali bin Muhammad al-Jum'ah (2000), *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadyah wa al-Islamyyah*. Riyadh: Maktabah al-'Abikan, h. 134.

⁷John Penrice (1960), *A Dictionary and Glossary of The Kor-an with Copious Grammatical References and Explanations of the Text*. Beirut: Librairie Du Liban, h. 20.

⁸Muhammad Ibn Mukram Ibn Manzur (1996), *op.cit.*, h.556.

⁹Muhammad 'Ala' al-Din Afnadi Ibn 'Abidin (1966), *Hasyiyah Ibn 'Abidin*, j. 4. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 501.

¹⁰Azizi Abu Bakar (2009), "Pelaksanaan Bay al-Inah dalam Pembiayaan Peribadi (*personal Loan*) di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar International Conference on Corporate Law (ICCL) 2009 di Surabaya Indonesia, 1-3 Jun 2009), h. 4; Jerwain Sabek (1971), *Majma' al-Lughat*. Beirut: Jerwain Sabek, h. 1111.

¹¹Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur (1996), *op.cit.*, j. 13, h. 306.

- ii. Pembeli menjual aset tersebut kepada orang lain dengan nilai yang lebih tinggi dari harga asal secara ansuran.
- iii. Pembeli baru menjual aset tersebut kepada penjual asal secara tunai tetapi dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang dibelinya¹².

Bay' al-'inah dapat difahami sebagai transaksi jual beli dan bukan bermaksud pinjaman¹³. Manakala ada juga pendapat mendefinisikan *bay' al-'inah* sebagai pinjaman dalam bentuk jualan¹⁴.

Bay' al-'inah juga dapat digambarkan seperti seorang penjual membeli sesuatu barang secara ansuran, kemudian menjual semula barang tersebut secara tunai dengan harga yang lebih rendah. Oleh yang demikian, barang tersebut kembali kepada penjual asal.

2.2.1.2 Dari segi istilah

2.2.1.2.1 Empat Mazhab

Terdapat pelbagai maksud yang berbeza dari segi lafaz tentang *bay' al-'inah* yang telah didefinisikan oleh empat mazhab. Walau bagaimanapun maksud tersebut membawa maksud yang sama. Antaranya ialah:

¹²*Ibid.*

¹³Wan Ismail Wan Ibrahim (1997), "Bai-ul-inah (bai) as A Useful Islamic Instrument," (Kertas Kerja Seminar International Islamic Capital Market Conference '97, 15-16 Julai 1997), h. 5.

¹⁴Ali bin Muhammad al-Jum'ah (2000), *op.cit.*, h. 146.

Mazhab Hanafi

Bay' al-'inah ialah seseorang membeli sesuatu aset dengan harga tertentu secara tertangguh tanpa mendapatkan aset tersebut. Kemudian, pembeli menjual kembali aset itu kepada penjual asal dengan harga yang lebih rendah secara tunai¹⁵.

Mazhab Maliki

Bay' al-'inah ialah penjual membeli sesuatu barang yang diinginkan oleh pelanggannya dengan pihak lain pada harga tertentu. Kemudian, menjual barang tersebut kepada pelanggan yang berkeinginan terhadap barang tersebut dengan harga yang lebih tinggi¹⁶. Mengikut mazhab Maliki *bay' al-'inah* juga dikenali sebagai *buyu' al-ajil* kerana dalam transaksi ini terdapat penagguhan masa dalam pembayaran¹⁷.

Mazhab Shafie

Bay' al-'inah ialah penjual menjual barang kepada pembeli secara tangguh dan menyerahkan barang tersebut kepada pembeli. Kemudian penjual membeli semula barang tersebut secara tunai dengan harga yang lebih murah dari harga asal¹⁸. Manakala menurut kitab *al-Umm* yang dikarang oleh Imam Shafi'i, *bay' al-'inah* ialah pembeli

¹⁵ Abu Muhammad 'Abd Allah Ibn Yusuf Zayla'i (2000), *Nasb al-Rayah: Takhrij Ahadith al-Hidayah*, j. 4. Kaherah: Mua'ssash al-Rayyan, h. 279.

¹⁶ Abu Barakah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Dardir (1973), *al-Sharh al-Saghir 'ala Aqrab al-Masalik ila Madhhab al-Imam Malik*, j. 3. Mesir: Dar al-Ma'rifah, h. 129.

¹⁷ Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rushd (1999), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 509.

¹⁸ Abu Zakariyya Yahya bin Sharf al-Nawawi (t.t), *Raudah al-Talibin*, j. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 86.

membeli barang dengan berhutang, setelah barang tersebut diterima, pembeli menjual balik barang itu kepada penjual asal dengan harga yang lebih tinggi secara tunai¹⁹.

Mazhab Hanbali

Bay' al-'inah ialah seseorang membeli barang secara tangguh dan menjual semula secara tunai dengan harga yang lebih tinggi dari harga asal yang dibeli. Menurut Imam Hanbali, sesiapa yang menjual sesuatu barang dengan berhutang, maka tidak boleh membeli semula barang tersebut dengan harga yang lebih rendah dari harga asal²⁰.

2.2.1.2.2 Ulama Kontemporari

Terdapat tokoh ulama kontemporari yang menghuraikan tentang pengertian *bay' al-'inah* iaitu Wahbah al-Zuhayli, Yusuf Qardawi, Sheikh Al-khalili²¹:

Wahbah al-Zuhayli mendefinisikan *bay' al-'inah* sebagai *hilah*²² dalam jual beli untuk berhutang secara riba. Seperti seseorang menjual aset dengan harga tertangguh, kemudian membeli semula aset tersebut dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang dijual secara tunai, sebelum menerima bayaran dari pembeli²³.

¹⁹Muhammad bin Idris, al-Shafi'i (1993), *al-'Umm*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 79.

²⁰Abd Allah bin Ahmad al-Maqdisi (1999), *al-Mughni*, j. 6, c. 4. Riyadh: Dar al-Kutub, h. 190.

²¹Mufti Besar Oman.

²²Istilah tipu di sisi undang-undang Islam dengan menggunakan kebijaksanaan untuk melepaskan diri dari kesukaran dan kesusahan. Ia diterima pakai oleh sarjana Islam untuk mengurangkan isu yang berlaku. Rujuk: Mohamed Fairouz Abdul Khir (2011), "The Application of Hilah in Islamic Capital Market", *ISRA Buletin*, v. 7, Dec 10-Jan 11, h. 9.

²³Wahbah al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j. 4, c. 3. Dimashq: Dar al-Fikr, h. 467.

Manakala menurut Sheikh al-Qardawi yang salah seorang ulama semasa²⁴ menyatakan maksud *bay' al-'inah* ialah apabila seseorang menjual sesuatu barang dengan harga yang tertentu dan barang tersebut diserahkan kepada pembeli. Kemudian penjual membeli balik barang tersebut sebelum menerima bayaran dari pihak pembeli, dengan nilai yang lebih murah dari harga asal secara tunai²⁵.

Ahmad bin Hamad al-khalili menyatakan bahawa *bay' al-'inah* adalah sama dengan *bay' al-dhara'i*²⁶.

Persoalan syariah di sini ialah adakah harus pelanggan dan bank meletakkan syarat untuk membeli atau menjual balik (repo)²⁷ barang dalam sesuatu kontrak jual beli. Oleh yang demikian, hal ini telah diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah pada mesyuarat ke-13 pada 10 april 2000 bersamaan 5 muharram 1421, dengan memutuskan wa'd dalam perjanjian jual dan beli balik (repo) adalah harus. Jika wa'd tidak dijadikan sebagai syarat kepada jual beli.

2.2.1.2.3. Takrif dari Perbankan

Penulis menghuraikan takrifan yang diberikan oleh beberapa buah pihak bank di Malaysia tentang *bay' al-'inah* iaitu:

²⁴Ahmad Rajafi (2008), "Ijtihad Yusuf al-Qaradawi dan Hukum Bisnis Islam", *Ijtima'iyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, v. 1, No. 2, Aug 2008, h. 157-170.

²⁵Yusuf al-Qaradawi (1998), *Bay' al-Murabahah li al-Amir bi al-Shira' kama Tujrih al-Masarif al-Islamiyyah: Dirasah fi Daw' al-Nusus wa al-Qawa'id al-Shari'ah*, c. 2. Qaherah: Maktabah al-Risalah, h. 45.

²⁶Ahmad bin Hamad al-Khalili (2003), *Fatawa al-Mu'amalat*, j. 3, Oman: al-Maktab al-Fanni lil Ajyal, h. 49.

²⁷Perjanjian jual dan beli balik dalam kewangan Islam pada masa hadapan dalam kontrak jual beli dengan harga yang disepakati. Rujuk: transaksi REPO (Repurchase Agreement), <http://www.wealthindonesia.com/commercial-bank/transaksi-repo-repurchase-agreement.html>, 20 Julai 2012.

AmIslamic Bank menginterpretasikan *bay' al-'inah* sebagai suatu kontrak iaitu suatu transaksi yang melibatkan jual dan beli balik terhadap sesuatu aset oleh penjual. Penjual akan menjual aset kepada pembeli dengan tunai, kemudian penjual akan membeli semula aset tersebut dengan pembayaran secara tertangguh dengan harga yang lebih tinggi daripada harga asal²⁸.

Manakala menurut Bank Islam Malaysia Berhad pula, *bay' al-'inah* didefinisikan sebagai suatu transaksi untuk memudahkan pelanggan membuat pembiayaan yang melibatkan dua kontrak jual beli yang berasingan dengan menggunakan aset yang sama. Mengikut pegawai Syariah (BIMB), konsep ini boleh diterima berdasarkan mazhab Shafie untuk mengelak dari terjebak dengan riba²⁹.

Bank Muamalat pula mentakrifkan *bay' al-'inah* sebagai suatu kontrak jual dan beli balik sesuatu milikan. Bank menjual harta secara tunai, kemudian membeli semula harta tersebut dengan harga yang lebih tinggi secara tangguh³⁰.

2.2.2 Rukun *Bay' al-'inah*

Rukun merupakan sesuatu yang penting dan perlu ada dalam semua perkara yang berkaitan dengan hukum syarak. Kerana ia suatu unsur yang asas untuk menjadikan sesuatu itu sah di sisi agama³¹. Rukun *bay' al-'inah* adalah sama dengan rukun jual beli

²⁸AmIslamic Bank Berhad, <http://www.ambankgroup.com/en/Islamic/AboutUs/Pages/BankingConcepts.aspx>. 17 Julai 2012.

²⁹Bank Islam Malaysia Berhad, <http://www.bankIslam.com.my/en/Documents/AR/GlossaryofTerms-2011.pdf>, 17 Julai 2012.

³⁰Bank Muamalat Malaysia, <http://www.muamalat.com.my/glossary.html>, 17 Julai 2012.

³¹M.Anwar Ibrahim (1997), *Philosophy of Islamic Law of Transaction*. Jakarta: CIFA dan Muamalat Institute, h. 50.

biasa. Namun demikian, terdapat perbezaan dalam bilangan akadnya³². Dalam jual beli *bay' al-'inah* terdapat dua akad jual beli yang berasingan.

Jumhur ulama menetapkan rukun jual beli kepada empat bahagian iaitu³³:

- a. Orang yang berakad iaitu penjual dan pembeli (*al- muta'aqidain*)
- b. Ijab dan qabul (*sighah*)
- c. Barangan (*ma'qud 'alayh*)
- d. Nilai sebagai alat pertukaran barang (*al-thaman*)

Walau bagaimanapun, mengikut mazhab Hanafi, hanya ijab dan qabul sahaja dikira sebagai rukun jual beli. Hal ini kerana keredhaan antara penjual dan pembeli sahaja yang akan diambil kira. Manakala, rukun yang lain hanya termasuk di bahagian syarat sah jual beli sahaja.

2.2.2.1 Syarat rukun jual beli

Syarat adalah suatu perkara yang penting yang perlu ada dalam sesuatu kontrak selepas memenuhi rukun. Jika tidak memenuhi syarat, maka sesuatu kontrak akan terbatal, walaupun memenuhi rukun dengan sempurna.

³²Akad dalam bahasa arab *al-'aqd* iaitu ikatan antara dua pihak yang membawa kepada hukum syarak. Rujuk: Zaharuddin Abd. Rahman (2009), *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, h. 2.

³³Mansur bin Yunus bin Idris, al-Buhuti (t.t.), *Kasahshaf al-Qina' 'an al-Iqna'*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 125.

2.2.2.1.1 Syarat orang yang berakad

Majoriti para ulama bersepakat menyatakan bahawa *al-muta‘aqidain* iaitu penjual dan pembeli perlulah memenuhi syarat-syarat tersebut³⁴:

1. Berakal iaitu jual beli oleh anak kecil atau orang gila adalah tidak sah di sisi ulama. Mengikut mazhab Hanafi jika urusan muamalat yang telah dilaksanakan oleh kanak-kanak yang *mumayyiz* tidak akan dikira sekiranya ia membawa kerugian kepada dirinya, tetapi jika akad tersebut membawa kepada keuntungan seperti menerima hibah, sedekah dan wasiat, urusan tersebut adalah dikira sah. Oleh itu jika terdapat keuntungan dan kerugian dalam transaksi seperti sewa menyewa dan jual beli, maka ia bergantung kepada keizinan walinya. Manakala mengikut majoriti ulama, *al-muta‘aqidain* haruslah baligh dan berakal. Walaupun *mumayyiz* tersebut mendapat keizinan dari walinya, transaksi tersebut tetap dikira batal dan tidak sah.
2. *Al-muta‘aqidain* berbeza iaitu penjual dan pembeli adalah orang yang berbeza kerana perlu lebih daripada seorang yang terlibat dalam akad.
3. Urus niaga secara rela oleh pembeli tanpa paksaan³⁵.

2.2.2.1.2 Syarat Ijab dan Qabul

Ijab dan qabul adalah penting dalam sesuatu transaksi muamalat. Ijab ialah sesuatu kenyataan penawaran. Manakala qabul ialah sesuatu kenyataan penerimaan atau

³⁴Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h. 354-355.

³⁵Syams al-Din al-Sarakhsi (1331h), *Al-Mabsut*, j. 24. Kaherah: Dar al-Ma‘rifah, h. 38-39.

persetujuan³⁶. Hal ini disepakati oleh para ulama fiqh kerana ia berhubung dengan keredhaan dan kerelaan di antara dua pihak iaitu pihak pembeli dan penjual. Oleh itu, penerimaan hendaklah sama dengan penawaran. Ungkapan ijab dan qabul perlu diucap secara nyata dalam transaksi yang sifatnya mengikat kedua belah pihak. Seperti, akad jual beli atau sewa menyewa. Manakala jika transaksi yang sifatnya hanya mengikat kepada sebelah pihak seperti wasiat atau hibah, maka ia tidak perlu kepada qabul dan hanya memadai dengan ijab sahaja. Bentuk syarat sighah terdiri daripada perbuatan, tulisan atau isyarat yang difahami oleh yang terlibat³⁷.

2.2.2.1.3 Syarat Barang yang Diniagakan

Terdapat empat syarat barang yang diniagakan³⁸.

- i. Barang mestilah ada untuk diniagakan. Jika barang tersebut tiada, maka pihak penjual perlu berusaha untuk mewujudkan barang tersebut. Kecuali jual beli berbentuk *Bay' Salam*³⁹.
- ii. Barang tersebut haruslah bermanfaat dan bernilai di sisi syarak dan dapat dimanfaatkan oleh manusia.
- iii. Barang itu perlulah mempunyai hak milik seseorang terdahulu sebelum diniagakan.
- iv. Barang tersebut mestilah boleh diserahkan kepada pemilik baru semasa akad dilangsungkan atau diserahkan pada waktu yang telah dipersetujui bersama.

³⁶Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rushd (1988), *op.cit.*, j.2, h. 161.

³⁷Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2005), *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Prentice Hall, h. 135.

³⁸Mustafa Ahmad al-Zarqa' (1999), *al-'Uqud al-Musammah fi al-Fiqh al-Islami: 'Aqd al-Bay'*. Dimashq: Dar al-Qalam, h. 43; 'Abd al-Razzaq al-Sanhuri (1981), *Masadir al-Haq fi al-Fiqh al-Islami*. j. 3, Beirut: al-Majma' al-'Arabi al-Islami, h. 16.

³⁹Mustafa Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 33.

2.2.2.1.4 Syarat Harga Barang

Harga haruslah jelas dan rela nilainya oleh kedua-dua belah pihak⁴⁰. Wang tersebut perlu diserahkan semasa akad berlangsung. Namun demikian, sekiranya bayaran tersebut dibuat secara hutang, waktu pembayaran haruslah jelas. Nilai pertukaran juga mestilah bukan dari jenis barangan yang diharamkan oleh syarak seperti emas, perak, garam, tamar, gandum, dan beras.⁴¹

2.2.3 Syarat Sah *Bay' al-'inah*

Syarat sah *bay' al-'inah* juga bergantung kepada syarat umum jual beli biasa. Sesuatu transaksi jual beli itu dikira sah kecuali jika terdapat enam perkara dalam setiap jual beli iaitu⁴²:

- i. Kesamaran pada barang, harga jualan, juga tempoh pembayaran dalam jualan.
- ii. Paksaan, sama ada paksaan sempurna atau tidak sempurna.
- iii. Penangguhan, iaitu menangguh sesuatu jualan dalam satu tempoh.
- iv. Kerosakan atau kerugian pada harta yang hendak dijual.
- v. Penipuan sifat barang,
- vi. Syarat yang merosakkan atau menganiyai salah seorang *muta'qidain*.

Oleh yang demikian, untuk menjadikan kontrak jual beli '*al-'inah* ini sah, ia perlu memenuhi kriteria-kriteria tersebut⁴³:

⁴⁰Muhammad 'Ala' al-Din Afnadi Ibn 'Abidin (1966), *op.cit.*, j. 4, h. 575.

⁴¹Muhammad Thalib (1997), *Riba: Bunga Bank dan Persoalannya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 27.

⁴²Wahbah al-Zuhayli (1996), *Usul al-Fiqh al-Islami*, j. 2. Dimashq: Dar al-Fikr, h. 395-398.

- i. Perlu ada dua kontrak yang berasingan yang memenuhi syarat yang sah di sisi syarak. Pertama: kontrak jualan antara bank dan pelanggan secara tangguh. Kedua: kontrak belian semula antara pihak bank dan pihak pembeli.
- ii. Barang dagangan bukan dari kalangan barangan ribawi.

2.2.4 Jenis atau Bentuk Jual Beli *Bay' al-'inah*

Terdapat pelbagai pendapat mengenai bentuk jual beli *al-'inah*. Ia terbahagi kepada empat mazhab.

a) Mazhab Hanafi

Bentuk *bay' al-'inah* mazhab Hanafi ialah penjual menjual aset dengan harga tangguh kepada pembeli dan membeli balik barang tersebut secara tunai dengan harga yang lebih rendah⁴⁴.

b) Mazhab Maliki

Berdasarkan Mazhab Maliki *al-'inah* berasal daripada perkataan (*al-'aun*) yang bermaksud pertolongan. Mazhab Maliki mengkategorikan *bay' al-'inah* kepada tiga jenis:

- Pertama, bentuk yang diharamkan, seperti A meminta B membelikan sebarang cincin dengan harga RM1000 dan A

⁴³Abdul Ghani Endut (2003), "Islamic Financing" (kertas kerja Basic Credit BIMB, Kuala Lumpur, 17-21 Februari 2003), h. 15.

⁴⁴Abu Muhammad 'Abd Allah Ibn Yusuf, al-Zayla'i (2000), *op.cit.*, h. 16.

memberi wang hanya RM500 secara tangguh. Berdasarkan mazhab Maliki situasi ini adalah riba.

- Bentuk yang kedua ialah makruh. Contohnya, A meminta B membeli sebentuk cincin dan berjanji akan memberi keuntungan kepada B. dalam situasi ini A tidak menyatakan tentang harga.
- Bentuk ketiga ialah bentuk yang diharuskan. Contohnya, A ingin membeli sebentuk cincin. B tanpa disuruh oleh A, B membeli cincin tersebut dari C. Kemudian, B menawarkan cincin yang dibelinya kepada A. Maka harus bagi B untuk menjual cincin tersebut dengan nilai yang tinggi atau rendah, sama ada secara tunai atau tangguh⁴⁵.

c) Mazhab Shafie

Contoh bentuk *bay' al-'inah* mazhab Shafie ialah seperti A membeli barang dengan cara tangguh dengan B dan barang diserahkan. Kemudian A menjual semula barang tersebut kepada B dengan harga yang lebih tinggi atau rendah secara tunai atau tangguh⁴⁶.

d) Mazhab Hanbali

Terdapat dua bentuk mazhab Hanbali iaitu pertama, penjual membeli semula barang yang dijual dengan pembeli sebelum pembeli membuat pembayaran dengan harga yang lebih rendah. Bentuk kedua ialah penjual menjual sesuatu kepada pembeli secara tunai

⁴⁵Muhammad bin Ahmad Ibn Rushd (1970), *Muqaddimat Ibn Rushd*, j. 2. Beirut: Dar al-Sadir, h. 537.

⁴⁶Al-Shafi'i (1993), *op.cit.*, h. 95.

dan penjual membeli semula barang tersebut dengan harga yang lebih tinggi secara tangguh⁴⁷.

Oleh itu, kesimpulannya semua barang yang dijual adalah milik pihak pembiaya (pemiutang)⁴⁸. Seterusnya, terdapat dua bentuk jual beli *bay' al-'inah* yang dapat dirumuskan. Bentuk pertama ialah penjual menjualkan sesuatu barang kepada pembeli dengan harga yang telah ditetapkan secara ansuran, tetapi penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual kembali barang tersebut dengan nilai yang lebih rendah. Kemudian penjual akan membeli semula barang tersebut dengan cara tunai⁴⁹.

Bentuk yang kedua ialah penjual menjual barangannya kepada pembeli secara ansuran. Setelah mendapat barangan tersebut, pembeli menjualkan semula barangan itu kepada penjual asal secara tunai, tetapi penjual membelinya dengan harga yang lebih rendah dari sebelumnya⁵⁰.

Oleh yang demikian, bentuk pertama adalah haram disisi majoriti ulama, kerana terikat dengan syarat. Manakala bentuk yang kedua terdapat percanggahan hukum disisi ulama.

⁴⁷Abd al-Rahman al-Rafi' (1997), *Fath al-'Aziz Sharh al-Wajiz*, j. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 231.

⁴⁸Suruhanjaya Sekuriti (2002), *op.cit.*, h. 21.

⁴⁹Muhammad Rawwas Qal'ah Ji (2007), *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Muasarah fi Daw al-Fiqh wa al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 82-84.

⁵⁰*Ibid.*

2.2.5 Perbezaan antara *Bay' al-Tawarruq*, *Bay' al-'inah* dan *Bay' Muhallil al-Riba*.


Terdapat perbezaan antara ketiga-tiga jenis jual beli iaitu *Bay' al-Tawarruq*, *Bay' al-'inah* dan *Bay' Muhallil al-Riba*. Berdasarkan pandangan Ibn Qayyim al-Zawjiyyah⁵¹, *bay' al-tawarruq* ialah jual beli yang melibatkan tiga pihak iaitu penjual, pembeli dan pihak ketiga (pembeli kedua). Contohnya, penjual menjual sesuatu barang secara ansuran. Kemudian setelah mendapat barang tersebut, pembeli menjual barang itu kepada pihak ketiga dengan harga yang lebih rendah secara tunai.

Jual beli *bay' al-'inah* pula hanya melibatkan dua pihak kerana pembeli akan menjual barang yang dibeli kepada penjual asal. Manakala *bay' muhallil al-riba* seperti *bay' al-tawarruq* yang melibatkan tiga pihak. Tetapi selepas barang jualan dimiliki oleh pembeli yang kedua, pembeli menjual barang tersebut kepada penjual asal (pihak pertama)⁵². Rajah di bawah menunjukkan ringkasan daripada keterangan di atas.

⁵¹ Muhammad bin Abi Bakr, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, j.3. Beirut: Dar al-kitab al-'Ilmiyyah, h. 251

⁵² *Ibid.*

Rajah 2.1: Perbezaan antara Bay' al-'Inah, bay' al-Tawarruq dan bay' al-Muhallil al-Riba



Sumber: Muhammad bin Abi Bakr, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, j.3. Beirut: Dar al-kitab al-'Ilmiyyah, h. 251

2.3 Pendapat dan Perbincangan Hukum

Penulis menghuraikan pendapat Imam empat mazhab dan ulama kontemporari mengenai hukum *bay' al-'inah*.

2.3.1 Ulama Empat Mazhab

Terdapat dua perbezaan pendapat daripada mazhab Hanafi tentang hukum *bay' al-'inah*. Berdasarkan pendapat Abu Yusuf, *bay' al-'inah* adalah harus iaitu sah dan tidak makruh, malah diberi pahala jika niat untuk mengelak daripada terjerumus kepada riba⁵³. Manakala Muhammad bin Abu Hasan pula berpendapat bahawa *bay' al-'inah* adalah makruh⁵⁴. Sementara itu, Ibn 'Abidin menyatakan bahawa *bay' al-'inah* bersifat *makruh tahrimi* kerana jual beli barang tersebut kembali kepada pemilik asal. Manakala jika barang tersebut tidak dijual kepada pemilik asal, hukumnya adalah *makruh tanzih*⁵⁵.

Manakala menurut mazhab Maliki, hukum *bay' al-'inah* adalah tidak harus⁵⁶. Begitu juga pendapat dari mazhab Hanbali yang menolak keharusan *bay' al-'inah*⁵⁷. Mereka menganggap bahawa *al-'inah* adalah *hilah* kepada riba⁵⁸.

Pendapat terakhir ialah dari mazhab Shafie. Menurut Imam al-Nawawi, hukum menjual secara tunai dan membeli dengan harga yang lebih tinggi secara tangguh adalah harus⁵⁹. Jumhur ulama Shafie juga mengharuskan jual beli ini walaupun tersebar atau tidak prinsip muamalat *bay' al-'inah* di negaranya⁶⁰. Walau bagaimanapun, jika terdapat syarat untuk menjual kembali barang yang telah dibeli kepada penjual asal, maka

⁵³Shamsiah Mohammad (2006), "Isu-isu dalam Penggunaan Bay' al-'Inah dan Tawarruq: Perspektif Hukum" (kertas Kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara di Langkawi, 29-29 Jun 2006), h. 10.; Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar (1994), *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar, Hashyyah Ibn 'Abidin 'ala Sharh Tanwir al-Absar*, j. 14. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 613.

⁵⁴Muhammad bin 'Abd al-Wahid, Ibn al-Hummam (2003), *Sharh Fath al-Qadir*, j. 4. Riyad: Dar al-'Alam al-Kutb, h. 193.

⁵⁵Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar (1994), *op.cit.*, h. 613.

⁵⁶Muhammad bin 'Ali al-Shawkani (1999), *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqi al-Akhyar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, j. 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 219.

⁵⁷Abd Allah bin Ahmad Ibn Qudamah al-Maqdisi (1999), *al-Mughni*, j. 15, c. 2. *op.cit.*, h. 260.

⁵⁸Azizi Che Seman (2002), "Peranan Bay' al-'inah dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam di Malaysia" (Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam di Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 22 Jun 2002), h. 5.

⁵⁹Al-Nawawi (t.t), *op.cit.*, h. 86.

⁶⁰*Ibid.*, h. 85.

hukumnya tetap haram dan terbatal⁶¹. Hal ini menunjukkan kepada petunjuk adanya *hilah* untuk melakukan riba.

Oleh yang demikian, mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa *bay' al-'inah* tidak harus dilaksanakan kerana ia termasuk kepada jalan untuk menghalalkan riba. Manakala mazhab Shafie berpendapat jual beli ini sah. Namun menurut Abu Hanifah jual beli ini sah jika hanya terdapat orang ketiga yang menyempurnakannya⁶².

2.3.1.1 Dalil dan Hujah Ulama yang Mengharamkan Bay' al-'inah

Para ulama bersepakat untuk mengharamkan konsep *bay' al-'inah* jika terdapat niat fasid dinyatakan dengan jelas dalam akad. Walaupun sempurna syarat dan rukun jual belinya. Namun demikian, para ulama berbeza pendapat tentang hukum *bay' al-'inah* yang tidak disertai dengan niat fasid secara jelas.

Majoriti ulama kalangan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa *bay' al-'inah* adalah haram⁶³. Terdapat beberapa dalil yang dipegang oleh golongan yang mengharamkan *bay' al-'inah*.

⁶¹Mustafa Dib al-Bugha (1994), *al-Wafi fi Sharh al-Arba'in al-Nawawiyah*, c. 4. Damshiq: Dar Ibn kathir, h. 231.

⁶²Ala' Eddin Kharofa (2004), *Transaction in Islamic Law*. Malaysia: A.S.Noordeen, h. 66.

⁶³Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h. 469

Hadis Nabi

عن ابن عمر رضي الله عنه قال ، سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إذا ضن الناس بالدينار والدرهم وتبايعوا بالعينة واتبعوا أذناب البقر وتركوا الجهاد في سبيل الله أنزل الله بهم بلاء فلا يرفعه عنهم حتى يرجعوا دينهم.

“Apabila manusia sangat bakhil dengan dinar dan dirham, dan berurusan niaga secara al-‘inah serta mereka mengekori ekor-ekor lembu, lalu meninggalkan jihad fi sabilillah, nescaya Allah akan menurunkan bala ke atas mereka dan dia tidak akan mengangkatnya daripada mereka sehinggalah mereka kembali kepada agama mereka”⁶⁴.

Hadis ini menunjukkan bahawa apabila manusia mengejar kemewahan sehingga terjebak dalam urusan muamalat mereka *al-‘inah*, maka tidak teragak-agak bagi Allah SWT untuk menurunkan bala ke atas mereka. Oleh itu, mereka perlulah bertaubat kepada Allah.

Athar dari Saidatina ‘A’ishah R.Ah:

عن ابن إسحاق السبيعي ، عن امرأته أنها دخلت على عائشة قد حلت معها أم ولد زيد بن أرقم فقالت : يا أم المؤمنين إني بعت غلاما من زيد أرقم بثمان مائة درهمي نسيئة ، وإني ابتعته منه بست مائة نقدا . فقالت لها عائشة بئس ما شريت وبئس ما اشتريت ، أبلغني زيد أنه قد أبطل جهاده مع رسول الله صلى الله عليه وسلم إن لم يتب . وأفحمت صاحبتنا فلم تتكلم طويلا ثم إنها سهل عليها فقالت : يا أم المؤمنين أرايت إن لم آخذ إلا رأس مالي ؟ فقلت عليها " فمن جاءه موعظة من ربه فانتهى فله ما سلف وأمره إلى الله... "

⁶⁴Ahmad bin Muhammad, Ibn Hanbal (1991), ‘Abd Allah Muhammad al-Ddarwish (ed.), *al-Musnad li al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*, no. hadith: 4824 & 4825. j. 2. Beirut: Dar al- Fikr, h. 260-261.

Daripada Ibn Ishaq al Subay'i, daripada isterinya bahawa dia telah menemui 'A'isyah R.A dan masuk bersamanya Ummu Walad Zayd bin Arqam lalu berkata: wahai Ummu al-Mukminin, sesungguhnya aku telah menjual seorang hamba kepada Zayd bin Arqam dengan harga lapan ratus dirham secara tangguh, dan aku kemudiannya membelinya semula dengan harga enam ratus dirham secara tunai". Maka berkata 'A'ishah kepadanya: "itu adalah seburuk-buruk jual beli yang engkau lakukan. Sampaikan kepada Zayd bahawa dia telah membatalkan (pahala) jihadnya bersama Rasulullah jika dia tidak bertaubat". Perkataan 'A'ishah itu membuatkan sahabat kami terdiam lalu ia tidak berkata-kata agak lama. Kemudian setelah dia menerima kata-kata 'A'ishah itu lalu ia berkata, apakah pandangan puan jika saya hanya mengambil modalku sahaja?" lalu 'A'ishah membacakan firman Allah yang bermaksud: Maka sesiapa yang telah didatangi akan peringatan daripada tuhanNya lalu ia berhenti (meninggalkannya) maka baginya adalah modalnya dan urusannya adalah diserahkan kepada Allah [al-Baqarah (2): 275]⁶⁵

Berdasarkan *athar* Saidatina 'A'ishah (r.ah) di atas, dapat disimpulkan bahawa *bay' al-'inah* adalah haram. Ini kerana Saidatina 'A'ishah (r.ah) mengencam perbuatan Zayd sehingga terbatal pahala jihad bersama Rasulullah S.A.W.

Kaedah *Sadd al-Dhara'i'*

Menurut Imam al-Syatibi, berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i'* *bay' al-'inah* adalah haram. Ini kerana salah satu alasan pengaplikasian *bay' al-'inah* adalah bertujuan dan berniat untuk mendapatkan tunai serta menghalalkan riba. Oleh sebab itu, *Bay' al-'inah* diharamkan⁶⁶.

⁶⁵Ali bin 'Umar al-Dar Qutni (2001), *Sunan al-Dar Qutni*, "Kitab al-Buyu'", no. hadith 2982. j. 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 52.

⁶⁶Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.144.

2.3.1.2 Ulama yang Mengharuskan

Bay' al-'inah dikategorikan sebagai harus sekiranya sempurna rukun dan syarat jual beli. Antara golongan yang mengharuskan *bay' al-'inah* ialah dari kalangan mazhab Shafie serta sebahagiannya dari mazhab Hanafi. Abu Yusuf daripada mazhab Hanafi berpendapat bahawa *bay' al-'inah* adalah sah dan tidak makruh manakala Muhammad Hasan al-Syaibani daripada mazhab Hanafi juga berpendapat bahawa *bay' al-'inah* adalah sah tetapi makruh⁶⁷.

Dalil al-Quran

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“Allah menghalalkan segala jenis jual beli kecuali transaksi yang mengandung riba”

Surah al-Baqarah (2): 275

Mereka bersandarkan kepada zahir ayat ini bahawa setiap transaksi jual beli itu dikira sah apabila sempurna syarat dan rukun jual beli⁶⁸. Riba tidak wujud di sini kerana transaksi ini melibatkan pertukaran barang dengan wang, bukannya pertukaran wang dengan wang yang boleh membawa kepada riba⁶⁹.

⁶⁷Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h. 468.

⁶⁸Abi al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar Ibn Kathir al-Qarshiy al-Damashqi (2004), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi al-Tafsir Ibn Kathir*, j. 1, c. 6. Riyad: Dar al-Salam, h. 452.

⁶⁹Methussin Haji Baki (2006), “Bay' al-'inah dan Tawarruq: Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian” (kertas kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara di Langkawi, 28-29), h. 5.

Hadis Nabi

Manakala, terdapat juga hadis Nabi S.A.W yang tidak mengharamkan *bay' al-inah*. Sabda Rasulullah S.A.W:

عن أبي سعيد الخدري، وأبي هريرة (رضي) أن رسول الله (صلى) استعمل رجلاً علي خبير، فجاء بتمر جنيب، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أكل تمر خبير هكذا؟ " فقال: لا، والله يا رسول الله، إنا لنأخذ الصاع من هذا بالصاعين بالثلاثة، فقال رسول الله: " لا تفعل، بع الجمع بالدراهم، ثم ابتع بالدراهم جنيهاً"

*"Daripada Abu Sa'id dan Abu Hurairah: bahawa Rasulullah SAW telah melantik seorang lelaki sebagai wakilnya di Khaibar. Lalu dia mendatangi baginda dengan membawa tamar janib. Nabi SAW bertanya kepadanya, "Adakah semua tamar di khaibar begini keadaanya?" lelaki itu menjawab "Tidak, demi Allah kami mengambil segantang tamar janib (jenis yang baik) dengan dua gantang tamar al-jam (jenis yang kurang baik) dan dua gantang tamar janib dengan tiga gantang tamar al-jam". Maka berkata Rasulullah SAW, "jangan kamu lakukan demikian, tetapi juallah tamar al-jam dengan dirham, kemudian kamu belilah dengan dirham tersebut akan tamar janib"*⁷⁰.

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menegah wakil dari Khaibar yang menukar sukatan tamar *al-jam* untuk mendapatkan tamar *janib* kerana ini adalah riba. Maka, Nabi SAW mengarahkan wakil tersebut supaya menjual dahulu tamar *al-jam* kemudian setelah mendapat dirham maka barulah tamar *janib* tersebut dibeli. Jual beli yang diarahkan oleh Nabi SAW ini merupakan jalan penyelesaian untuk mendapatkan tamar *janib*. Hadis ini juga tidak mengkhususkan sama ada jual beli tersebut boleh

⁷⁰Muhammad Ibn Isma'il, al-Bukhari (1315h.) *Sahih al-Bukhari*, "kitab al-Buyu", Bab: Idha Arada Bay' Tamr bi Tamr Khayr Minh, j. 3 c. 2. Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah, h. 35.

dilaksanakan antara dua pihak yang sama atau pihak yang lain. Niat sebenar transaksi ini bukan jual beli semata-mata tetapi untuk mendapatkan tamar *janib*.

Qiyas

Menurut ‘Abd Allah bin ‘Umar, sekiranya pembeli menjual sesuatu barang kepada penjual asal sama ada dengan harga yang tinggi atau rendah daripada harga asal, hukumnya adalah harus. Keputusan ini telah disepakati oleh ulama⁷¹. Ini kerana, masalah ini telah diqiyaskan kepada persepakatan ulama bahawa pembeli tidak dilarang untuk menjual barang yang dibeli kepada orang lain dengan harga yang sama atau lebih mahal dari harga asal⁷².

Tambahan lagi, para *muhaddithin* tidak bersepakat tentang kesahihan hadis tentang peringatan *bay‘ al-‘inah*. Ini kerana mengikut Ibn Hajar, tidak semestinya sesebuah hadis menjadi sahih apabila telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqah*⁷³. Golongan yang mengharuskan *bay‘ al-‘inah* ini juga telah menolak *athar* Saidatina ‘A’ishah (r.ah) kerana hadis ini lemah sanadnya disebabkan salah seorang perawinya iaitu al-‘Aliyah binti Ayfa’ tidak dikenali⁷⁴.

Tambahan pula, al-Imam al-Shafi‘i menyatakan bahawa Saidatina ‘Aishah (r.ah) mencela perbuatan Zayd bukan disebabkan masalah beli balik hamba itu secara tunai selepas menjualnya secara tangguh, tetapi masalah waktu pembayaran yang tidak

⁷¹Taqi al-Din ‘Ali Ibn ‘Abd al-Kafi, al- Subki (t.t), *Al-Majmu‘ Sharh al-Muhadhadhab*, j. 23. Jeddah: Maktabah Irsyad, h. 146.

⁷²Ibn Qudamah (1992), *op.cit.*, h. 261-263.

⁷³Muhammad bin Isma‘il al-San‘ani (t.t.) *Subul al-Salam: Sharh Bulugh al-Maram min Jam‘u Adillatu al-Ahkam*, j. 4. Beirut: Dar Fikr, h. 852.

⁷⁴Al-Darqutni (2003), *op.cit.*, h. 46

ditentukan dan bertanggung. Oleh itu, *Athar* ini tidak boleh dijadikan hujah dan sumber kepada hukum yang mengharamkan *bay' al-'inah*⁷⁵.

2.3.2 Ulama Kontemporari

Majoriti ulama semasa telah mengharamkan kontrak *bay' al-'inah* antaranya ialah Sheikh Yusuf Qardawi⁷⁶, Wahbah Zuhayli⁷⁷, Sheikh al-Khalili⁷⁸ dan Sheikh Ibnu 'Uthaimin⁷⁹, kerana transaksi ini merupakan *hilah* kepada *riba*.

Ada juga pendapat menyatakan bahawa *bay' al-'inah* adalah suatu *hilah mashru'ah* dalam mencari solusi temporari untuk menghapuskan *riba* secara beransur-ansur dalam sistem perbankan konvensional. Ia juga merupakan suatu instrumen idealistik kerana perbankan Islam bermula dari sifar. Walau bagaimanapun, ia bukanlah suatu idea yang realistik⁸⁰.

2.4 Pengaplikasian Konsep Bay' Al-'Inah dalam Amalan Perbankan Islam Di Malaysia

Pelaksanaan *bay' al-'inah* telah mendapat persepakatan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada mesyuarat yang ke-8, pada 12 Disember 1998 yang

⁷⁵Al-Shafi'i (1996), *op.cit.*, h. 249.

⁷⁶Yusuf Qardawi (1998), *op.cit.*, h. 48-49.

⁷⁷Wahbah al-Zuhayli (1996), *op.cit.*, h. 517.

⁷⁸Ahmad bin Hamad al-Khalili (2003), *op.cit.*, h.71.

⁷⁹Sa'ad bin 'Abd Allah al-Barik (1999), *al-Fatawa al-Shar'iyah fi al-Masail al-'Asryyah min Fatawa 'Ulama' al-Balad al-Haram*. j. 2, Riyadh: al-Lajnah al-Da'imah lil Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta', h. 688.

⁸⁰Wan Rumaizi Wan Husin, Penasihat Syariah Bank Rakyat Malaysia. Temubual pada 3 Oktober 2012.

telah memutuskan bahawa pelaksanaan *bay' al-'inah* diharuskan dengan dua syarat iaitu⁸¹:

- 1) Urus niaga yang diguna pakai perlulah menepati syarat yang telah disepakati oleh mazhab Shafie.
- 2) Memastikan tidak menggunakan barangan ribawi dalam urus niaga.

Kemudian, penelitian semula hukum jual beli *al-'inah* diadakan melalui Muzakarah Cendikiawan Syariah Nusantara pada tahun 2006. Muzakarah ini bertujuan untuk memupuk persefahaman antara cendikiawan Syariah dalam bidang muamalat kewangan Islam. Kemudian pihak majlis memutuskan bahawa transaksi *bay' al-'inah* adalah seperti berikut⁸²:

- Masih menjadi isu kekhilafan dalam kalangan ulama fiqh tentang hukum keharusan *bay' al-'inah* dan *bay' al-tawarruq*
- Asas hukum *bay' al-'inah* adalah sama dengan asas keharusan *bay' al-tawarruq*⁸³
- *Bay' al-'inah* penting dalam pembangunan kewangan Islam tempatan. Oleh itu, prosedur melaksanakan *bay' al-'inah* perlu diperkukuhkan dan diperkemaskan lagi agar memenuhi syarat-syarat yang dituntut oleh prinsip Syariah.
- Institusi kewangan Islam perlu menghadkan penggunaan produk-produk yang berasaskan *bay' al-'inah* menerusi alternatif baru yang telah disepakati oleh cendikiawan Syariah.

⁸¹Bank Negara Malaysia (2009), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: BNMB, h. 27.

⁸²*Ibid.*, h. 28.

⁸³Tawarruq ialah beli sesuatu barang secara tangguh dan menjualnya kembali kepada pihak lain selain penjual asal secara tunai dengan nilai yang lebih rendah. Rujuk: Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2006), "Tawarruq Vis-à-Vis Commodity Murabaha", (Kertas Persidangan 3rd: Kuala Lumpur Islamic Finance Forum di PWTC Kuala Lumpur, 27-29 November 2006) h. 1-12.

Antara institusi perbankan yang terawal mengamalkan konsep *bay' al-'inah* ialah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia⁸⁴. Instrumen ini amat diperlukan di perbankan Islam pada hari ini kerana ia merupakan salah satu instrumen yang menawarkan pembiayaan untuk membantu pelanggan mendapatkan tunai dengan mudah. Oleh yang demikian, terdapat banyak perbankan Islam yang mempraktikkan konsep *bay' al-'inah* dalam produk-produk mereka.

Berdasarkan konsep *bay' al-'inah*, pihak bank akan menjualkan aset yang dimilikinya kepada pelanggan yang berhajat untuk mendapatkan wang secara tangguh. Kemudian, aset yang telah dijual kepada pelanggan tadi akan dibeli semula oleh pihak bank secara tunai. Manakala, harga jualan balik adalah lebih tinggi daripada harga jualan asal. Sehubungan itu, pelanggan akan memperolehi wang daripada pihak bank secara tunai dan bank pula akan menerima wang daripada pelanggan secara ansuran mengikut tempoh yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Sehubungan itu, aset dalam transaksi *bay' al-'inah* perlulah menjadi hak milik tetap bank. Malah, nilai aset bank tersebut juga perlu sepadan dengan nilai yang telah dipohon oleh pelanggan supaya akad jual beli ini menjadi sah. Kesimpulannya, kedua-dua pihak mendapat faedah daripada transaksi ini kerana pelanggan akan memperolehi tunai yang dikehendakinya, manakala bank akan memperolehi keuntungan hasil daripada belian balik aset yang dijual sebelumnya.

⁸⁴Atikullah Abdullah (2003), "al-Hilah al-Fiqhiyyah: Konsep, Kedudukan dan Pemakaiannya dalam Muamalat Maliyyah Semasa" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003 di Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Kuala Lumpur), h. 391; Bank Rakyat, <http://www.bankrakyat.com.my/web/guest/sejarah>, 28 Jun 2012.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, *bay' al-'inah* dapat difahamkan sebagai transaksi menjual dan kemudian membeli semula sesuatu aset antara dua pihak untuk mendapatkan tunai. Jual beli ini melibatkan dua akad yang berbeza ke atas aset tersebut. Harga dalam jual beli ini pula berbeza, iaitu harga jualan pertama lebih rendah daripada harga jualan yang kedua. Hal ini kerana jual beli yang pertama dibayar secara tunai manakala harga jualan yang kedua dibayar secara tangguh atau ansuran. Konsep ini sebenarnya bukan berhajat kepada barangan tetapi bertujuan untuk mendapatkan pinjaman wang.

Sehubungan itu, terdapat dua pendapat mengenai hukum pengaplikasian *bay' al-'inah* dalam kalangan ulama. Pendapat pertama mengharamkan *bay' al-'inah* kerana majoriti dari golongan mereka berpendapat bahawa *bay' al-'inah* adalah *hilah* kepada riba. Manakala pendapat yang kedua pula mengharuskan *bay' al-'inah* kerana mereka berpendapat masalah *al-'inah* tidak disebut di dalam al-Quran dan Hadis nabi SAW secara khusus. Mereka yang mengharuskan *bay' al-'inah* berpendapat selagi jual beli tersebut tidak bersyarat untuk menjual balik barang tersebut kepada pemilik asal, maka ia adalah harus.

Oleh yang demikian, konsep *Bay' al-'inah* yang dilaksanakan di Malaysia adalah diharuskan oleh ulama *Shafi'i'* kerana ia bukan suatu *hilah* untuk menghalalkan riba tetapi salah satu cara untuk memudahkan para pelanggan bagi mendapatkan mudah tunai dengan segera secara Islam